

DAKWAH KEPADA BUKAN ISLAM

23 SEPTEMBER 2022/ 26 SAFAR 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita peroleh keampunan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Islam adalah agama ‘*rahmatan lil alamin*’ atau rahmat kepada sekalian alam. Agama Islam diturunkan kepada seluruh umat manusia tanpa mengira bangsa, keturunan, warna kulit dan

status. Kita amat mensyukuri nikmat besar menjadi seorang Muslim. Maka nikmat kurniaan Allah Subhanahu wa-Ta'ala kepada kita ini perlu dikongsi dan dirasakan bersama-sama oleh setiap manusia lebih-lebih lagi rakan-rakan kita yang belum memeluk Islam. Sebab itulah, dalam Islam ada konsep dakwah, iaitu menyeru orang lain kepada Islam.

Dalam konteks negara Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum dan agama, dengan komposisi penduduk terdiri daripada Melayu, Cina, India, Sikh, orang asli, kaum bumiputera Sabah Sarawak dan lain-lain lagi, maka setiap daripada kita adalah pendakwah. Kita hendaklah menjadi umat Islam yang terbaik menjadi contoh teladan kepada orang bukan Islam supaya mereka berminat kepada agama Islam dan kita mestilah bertanggungjawab menyampaikan seruan Islam kepada manusia. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah Ali Imran ayat 110:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ

وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Yang bermaksud: *“Kamu adalah umat terbaik yang dilahirkan untuk manusia. Kamu menyuruh (berbuat) yang makruf dan mencegah daripada yang mungkar dan beriman kepada Allah.”*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Umat Islam perlu bergaul, berkawan dan menyantuni golongan bukan Islam serta menunjukkan teladan serta akhlak yang baik. Menurut beberapa kajian yang pernah dijalankan, antara punca golongan bukan Islam menolak agama Islam adalah kerana sikap dan perangai buruk yang ditunjukkan oleh sebahagian orang Islam sendiri seperti pemalas, menagih dadah, mencuri dan sebagainya. Sebab itulah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menganjurkan supaya kita sentiasa menjaga akhlak.

Seorang ulama terkenal Al-Sheikh Said Ramadhan al-Buty ada menceritakan kisah seorang perempuan Yahudi bernama Zainab binti Harith yang cuba membunuh Nabi dengan meletakkan racun dalam hidangan daging biri-biri. Ketika daging tersebut berada dalam mulut Baginda, berlaku suatu mukjizat iaitu daging tersebut berkata-kata memberitahu bahawa ia telah dibubuh racun. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memanggil Zainab dan Zainab mengakui perbuatan kejinya kerana mahu membalas

dendam selepas suaminya terbunuh dalam Perang Khaibar. Dengan akhlak yang luhur, Nabi memaafkan Zainab. Lalu Zainab memeluk agama Islam pada ketika itu juga di hadapan Baginda. Inilah dakwah yang penuh hikmah oleh Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wasallam sesuai dengan firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Nahl ayat 125:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ
أَحْسَنُ

Yang bermaksud: “Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang terbaik.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

بَلِّغُوا عَنِّي وَلَوْ آيَةً

Yang bermaksud: “Sampaikan daripadaku walaupun sepotong ayat.”

Hadis ini menggalakkan kita menyampai dan menyebarkan ajaran Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam kepada orang lain walaupun sedikit. Masyarakat Islam samada rakyat biasa atau lebih-lebih lagi pemimpin hendaklah memainkan peranan masing-masing untuk menyumbangkan usaha dakwah kepada rakan-rakan yang bukan Islam dengan memanfaatkan saluran yang ada. Hari ini kita boleh berdakwah menggunakan media sosial dan juga emel seperti mana Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam berdakwah kepada pembesar Rom, Parsi, Habsyah, Yaman dan lain-lain dengan pengutusan surat seruan kepada Islam.

Pihak masjid boleh memainkan peranan sebagai pusat dakwah dengan menyediakan kemudahan untuk orang bukan Islam belajar agama Islam atau untuk mereka mendapatkan bantuan apabila ditimpa kesusahan. Masjid dan orang ramai boleh menyumbangkan bantuan atau bahan-bahan keperluan asas untuk fakir miskin termasuk orang bukan Islam. Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang telah lama melaksanakan program Dapur Zakat di setiap masjid seluruh negeri Pahang. Sesiapa sahaja di kalangan asnaf yang memerlukannya boleh datang mengambil bila-bila masa. Pihak masjid juga perlu mengambil peranan dan memudahkan urusan untuk menyalurkan barang-barang Dapur Zakat ini kepada mereka yang memerlukan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Tugas dakwah ini amat besar pahalanya di sisi Allah Subhanahu wa Taala seperti mana yang difirmankan-Nya dalam Surah Fussilat ayat 33:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿٣٣﴾

Yang bermaksud: “Dan siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah, mengerjakan amal soleh dan berkata “Sesungguhnya aku termasuk orang yang menyerah diri.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.